

19 NOV 1997

Parlimen-Anwar

ANTI-YAHUDI DAN ANTI-SEMITIK, TUDUHAN MELULU TERHADAP DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 19 Nov (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini berkata dakwaan 34 anggota Kongres Amerika Syarikat (AS) kononnya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad anti-Yahudi dan anti-Semitik merupakan tuduhan yang amat melulu.

Anwar, yang juga Menteri Kewangan, berkata adalah tidak benar sama sekali Dr Mahathir anti-Yahudi dan anti-Semitik kerana rekod pencapaian Perdana Menteri menunjukkan bahawa beliau seorang yang menegakkan prinsip demokrasi dan masyarakat majmuk seperti yang boleh dilihat di negara ini.

"Menuduh Dr Mahathir sebagai anti-Semitik lebih melulu. Siapa dia Semite itu? Kata Oxford Dictionary: (Semite is) A member of any of the peoples supposedly descended from Shem, sons of Noah, including especially the Jews, Arabs, Assyrians, Babylonians and Phoenecians.

"Takkanlah Dr Mahathir membenci semua bangsa ini termasuk orang Arab. Ada orang yang mengatakan orang Yahudi itu sebagai Children of Abraham. Bukan orang Yahudi sahaja, semua orang Islam dan Kristian adalah juga Children of Abraham," katanya ketika membentangkan usul yang menyatakan sokongan penuh Dewan Rakyat kepada Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri dan membantah tindakan AS untuk menyasiat pelaburan Petronas di Iran pada persidangan Dewan Rakyat di sini.

Usul itu dibentangkan Anwar berikutan tindakan segelintir anggota Kongres AS mendesak Dr Mahathir supaya meminta maaf secara terbuka atau meletak jawatan sebagai Perdana Menteri kerana didakwa menyatakan terdapat konspirasi Yahudi dalam spekulasi mata wang di rantau Asia Tenggara.

Usul itu turut membantah tindakan AS yang cuba menggunakan Akta Sekatan Iran-Libya terhadap Petronas kerana melabur lebih daripada AS\$20 juta dalam projek gas di Iran.

Dr Mahathir sendiri telah berulang-kali menjelaskan bahawa kenyataannya telah disalah-ertikan dan beliau bukan anti-Yahudi.

Timbalan Perdana Menteri berkata, kenyataan Dr Mahathir mengenai penglibatan pembiaya kewangan antarabangsa, George Soros, seorang Yahudi, dalam spekulasi mata wang di rantau ini telah dikutip secara terpisah-pisah sehingga menyebabkan Perdana Menteri dianggap anti-Yahudi dan anti-Semitik.

Dalam hal ini, beliau berkata, jika seseorang membaca hasil karya Shakespeare bertajuk "Merchant of Venice" secara terpisah-pisah, sudah pasti mereka akan menganggap Shakespeare seorang anti-Yahudi kerana memaparkan sikap buruk seorang saudagar Yahudi bernama Shylock.

"Apakah Shakespeare anti-Yahudi? Keputusan bergantung dengan pembacaan keseluruhan corpus tulisan Shakespeare," katanya ketika mempertahankan bahawa kenyataan Dr Mahathir telah dipetik di luar konteks.

"Kita perlu melihat apa yang beliau (Dr Mahathir) katakan secara menyeluruh dan lebih penting daripada itu, apa yang telah beliau lakukan," katanya.

Timbalan Perdana Menteri berkata, Dr Mahathir juga telah menunjukkan rekod pencapaian yang baik dalam soal memperjuangkan prinsip kepelbagaian kaum dan agama di negara ini yang telah menghasilkan kestabilan politik dan keharmonian kaum sehingga ekonomi negara mampu berada pada paras yang cemerlang.

Mengenai dakwaan 34 anggota Kongres AS kononnya Dr Mahathir seorang anti-AS pula, Anwar berkata, kerajaan memilih untuk mengetengahkan usul itu di Dewan Rakyat hari ini kerana menghormati dan menghargai hubungan baik antara Malaysia dan AS.

"Kita mempunyai kepentingan perdagangan dan hubungan ekonomi yang kuat dengan Amerika Syarikat dan kita telah menjalin hubungan dengan Amerika Syarikat begitu lama dengan kadar perdagangan yang meningkat sehingga RM\$66 billion ringgit pada tahun lalu," katanya.

Katanya, bilangan pelajar Malaysia di AS pula berjumlah 11,646 orang dan daripada jumlah itu 3,602 adalah pelajar tajaan kerajaan.

"Maka untuk dikaitkan bahawa Malaysia mempertikaikan semangat dan hubungan baik dengan Amerika Syarikat juga tidak munasabah. Tetapi seperti mana kita dapati dari semasa ke semasa Amerika Syarikat memilih untuk membuat teguran terbuka maka sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat, kita juga mempunyai hak dan kebebasan untuk membuat teguran pada mana-mana perkembangan di dalam dan luar negara," katanya.

Ketika menyentuh usul itu yang turut membantah tindakan AS untuk menyiasat Petronas berhubung pelaburannya di Iran, Anwar berkata, kerajaan tidak bercadang untuk memberi apa-apa kerjasama dalam urusan penyiasatan pasukan dari Amerika Syarikat.

Katanya, cubaan AS untuk menggunakan Akta Sekatan Iran-Libya terhadap Petronas adalah tidak munasabah kerana selain ia bersifat tindakan sehalu, undang-undang itu juga bercanggah dengan prinsip kebebasan dalam soal perdagangan.

"Sementara kita menghormati hak mana-mana negara membuat akta dan sekatan masing-masing, kita tidak percaya munasabah bagi Amerika Syarikat mengenakan undang-undang yang dibuat dan harus diterima pakai di Amerika Syarikat untuk dikenakan ke atas Malaysia, syarikat-syarikatnya atau rakyatnya," katanya.

Dalam konteks ini penggunaan Akta Sekatan Iran-Libya yang mempertikai hak Petronas untuk bersama-sama dengan syarikat-syarikat lain dalam pelaburannya di Iran amatlah dikesali, kata beliau.

Petronas, Total SA dari Perancis dan Gazprom dari Russia telah melabur sebanyak AS\$2 bilion bagi memajukan projek gas di South Pars, Iran.

Dr Mahathir dan Presiden Jacques Chirac, selepas pertemuan mereka di Langkawi baru-baru ini, telah menyatakan pendirian Malaysia dan Perancis yang tidak bersetuju dengan percubaan AS untuk menyiasat syarikat-syarikat itu. -- BERNAMA

TEAM AH NMO